



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

31 OGOS 2022 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHMAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

31 OGOS 2022 (RABU)



Alexander (tengah) bersama Tony (empat dari kanan) ketika merasmikan Program Jaminan Lanjutan Mampu Milik untuk Melindungi Pemilik Kereta daripada Kos Pembaikan Mahal-AutoGen PLUS di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

KPDNHEP bincang lindungi pengguna

Kuala Lumpur; Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang berbincang lanjut bagaimana untuk memperhalusi undang-undang bagi melindungi pengguna daripada ditindas.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata ini memandangkan pada tahun ini sehingga Ogos, kira-kira RM3.68 juta tuntutan pengguna membabitkan aduan pembelian kereta baharu dan terpakai diterima oleh Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

Daripada jumlah itu, sebanyak 1,126 kes aduan diterima oleh TTPM di mana sebanyak 1,034 kes sudah selesai, manaka

la 92 lagi masih belum selesai.

Katanya, melihat kepada negara maju yang mengamalkan undang-undang lemon iaitu satu istilah yang sinonim dengan barangan rosak, beliau yakin negara ini juga perlu mempunyai undang-undang seperti itu.

"Mengikut undang-undang lemon, sekiranya pengguna memenuhi syarat yang ditetapkan, mereka akan layak untuk mendapat pampasan yang adil daripada pembelian produk yang rosak atau tidak berfungsi seperti sepatutnya.

"Justeru, kementerian kini mengumpulkan maklumat daripada pihak industri dan difahamkan mereka juga tertarik dengan undang-undang lemon ini.

"Saya yakin lebih banyak lagi

tuntutan lain yang tidak dibuat oleh pengguna," katanya ketika merasmikan Program Jaminan Lanjutan Mampu Milik untuk Melindungi Pemilik Kereta daripada Kos Pembaikan Mahal-AutoGen PLUS.

Yang turut hadir, Presiden Persekutuan Persatuan Syarikat Permotoran dan Kredit Malaysia (FMCCAM), Datuk Tony Khor.

Bina ekosistem lebih baik

Mengenai program AutoGen PLUS itu, Alexander berkata, usaha dilaksanakan itu dapat membantu membina ekosistem lebih baik untuk industri kereta terpakai yang menyumbang RM15 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

"Jaminan lanjut ini dapat memastikan kualiti dan harga kereta terpakai ini dibeli sepadan dengan keadaannya.

"Selain itu ia dapat mengelakkan pengguna terpaksa mengeluarkan perbelanjaan tinggi untuk membaiki kereta terpakai itu," katanya.

Sementara itu, Tony berkata, sektor kereta terpakai dijangka berkembang sebanyak 10 peratus sehingga tahun 2025.

"Ramalan jualan kereta terpakai untuk tahun 2022 ialah 420,000 dan pertumbuhan ini dijangka berterusan pada tahun 2023 sebanyak 450,000 kereta.

"Justeru, dengan adanya undang-undang lemon ini, secara tidak langsung kedua-dua peniaga dan pembeli dapat perlindungan undang-undang," katanya.

Lelaki ditahan ubah suai lori, seludup diesel

KOTA BHARU - Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDNHEP) pada Isnin menahan seorang lelaki kerana disyaki mengubah suai lori untuk tujuan penyeludupan diesel.

Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kelantan, Aswadi Jaafar berkata, lelaki berusia 40-an itu ditahan ketika sepasukan pegawai penguat kuasa menjalankan Ops Bersepadu Cegah Ketirisan Barang Kawalan bersama Polis Marin Wilayah Tiga Pengkalan Kubor dan polis Tumpat.

Menurutnya, pasukan operasi mengekori lori yang menggunakan nombor pendaftaran Malaysia itu kira-kira jam 12 tengah hari hingga tiba di hadapan stor kayu Pulau Ular, Pengkalan Kubor, Tumpat.

"Kenderaan itu didapati kerap melakukan beberapa pengisian diesel di stesen minyak di sekitar Tunjung, Kota Bharu, sekitar Pengkalan Kubor dan Chabang Empat Tumpat sebelum masuk ke pangkalan haram melalui jalan Pengkalan Kubor," katanya melalui kenyataan pada Selasa.

Tambah beliau, pemeriksaan lanjut mendapati sebanyak 186 liter minyak diesel bernilai RM399.90 di dalam tangki lori tersebut.

Aswadi memberitahu, suspek juga gagal mengemukakan sebarang dokumen berkaitan dan kesemua rampasan disita termasuk lori bernilai RM50,000 berkenaan.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.